

Negara-negara membangun Asia bersedia untuk pertumbuhan yang terus mengukuh, sambil menyumbang kepada pengembangan global e-dagang

13/07/2018, Paris - Pertumbuhan ekonomi di negara-negara membangun Asia, sepuluh negara anggota Persatuan Bangsa-bangsa Asia Tenggara, China dan India, dijangka akan kekal stabil dalam tempoh terdekat. Purata keluaran dalam negara kasar (KDNK) sebenar di rantau ini dijangka akan berkembang sebanyak 6.6% pada 2018 dan 6.5% pada tahun 2019, berdasarkan asas penggunaan dan pelaburan yang secara umumnya teguh, menurut unjuran di dalam laporan Update Pusat Pembangunan OECD untuk Tinjauan Ekonomi untuk Asia Tenggara, China dan India 2018. Sepuluh negara-negara ASEAN dijangka akan menyaksikan pertumbuhan purata sebanyak 5.3% pada tahun 2018 dan 2019, dengan kadar pertumbuhan tertinggi di negara-negara KLM (Kemboja, PDR Lao dan Myanmar), Viet Nam dan Filipina.

Secara keseluruhannya, kedudukan ekonomi bagi negara-negara membangun Asia adalah stabil; baki akaun semasa telah bertambah baik untuk beberapa negara di rantau ini sementara aliran pelaburan langsung asing adalah kukuh. Kadar dasar di rantau ini telah meningkat, terutamanya sebagai tindak balas terhadap peningkatan tekanan inflasi dan kelemahan dalam sesetengah mata wang tempatan, walaupun pihak berkuasa monetari juga menggunakan keperluan rizab untuk mengekalkan kecairan. Secara keseluruhannya, kedudukan fiskal negara-negara membangun Asia agak baik, walaupun arah dasar fiskal negara-negara ini bercampur.

Menurut laporan Update, risiko-risiko ini termasuklah kesan kenaikan kadar faedah dalam ekonomi maju, ketidakpastian tentang pelaksanaan projek infrastruktur yang telah dirancang, dan kesan daripada peningkatan sentimen perlindungan di peringkat antarabangsa ke atas integrasi serantau.

"Negara-negara Asia membangun terus menunjukkan pertumbuhan yang kukuh dalam jangka masa terdekat, jika risiko domestik dan luaran dikendalikan dengan baik," kata Mario Pezzini, Pengarah Pusat Pembangunan OECD dan Penasihat Khas kepada Setiausaha Agung mengenai pembangunan di OECD, sambil melancarkan laporan di ibu pejabat OECD di Paris.

Bab khas dalam laporan Update ini memaparkan pelbagai cabaran dan peluang yang dihadapi oleh negara-negara membangun Asia dalam usaha memperkembangkan sektor e-dagang merentas sempadan. Rantau ini sudah menjadi pemain utama dalam sektor e-dagang, dan ia patut terus menyumbang kepada pertumbuhan global pada masa akan datang. Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), infrastruktur ICT, pengangkutan dan logistik, sistem pembayaran, serta rangka kerja perundangan dan pengawalseliaan akan memberi kesan terhadap pertumbuhan masa hadapan sedemikian. Untuk mendapat manfaat daripada e-dagang merentas sempadan yang adil dan cekap, kerajaan di rantau ini perlu meningkatkan hubungan, membangunkan kemahiran dan modal insan, melaksanakan dasar baru untuk menangani keselamatan digital dan perlindungan pengguna, dan memupuk kerjasama serantau dan antarabangsa.

Jadual 1. Pertumbuhan KDNK Sebenar di ASEAN, China dan India
Perubahan peratusan tahunan

	2018	2019
Negara-negara ASEAN-5		
Indonesia	5.3	5.4
Malaysia	5.3	5.1
Filipina	6.7	6.7
Thailand	4.0	3.9
Viet Nam	6.9	6.6
Brunei Darussalam dan Singapura		
Brunei Darussalam	1.5	2.1
Singapura	3.5	3.0
Negara-negara KLM		
Kemboja	7.0	7.0
Lao PDR	6.8	6.9
Myanmar	6.9	7.1
China dan India		
China	6.7	6.4
India	7.4	7.5
Purata negara-negara ASEAN-10	5.3	5.3
Purata negara-negara membangun Asia	6.6	6.5

Nota: Tarikh pemotongan untuk data yang digunakan ialah 18 Jun 2018. Kadar pertumbuhan ASEAN dan Emerging Asia adalah purata tertimbang bagi ekonomi masing-masing. 2017 Data Kemboja dan Myanmar adalah anggaran awal. Data India dan Myanmar mengikuti tahun fiskal. Bagi Myanmar 2018 merujuk kepada tempoh 6 bulan dari April 2018 hingga September 2018 manakala tahun 2019 merujuk kepada tahun fiskal mulai Oktober 2018 hingga September 2019. Unjuran China, India dan Indonesia didasarkan pada pangkalan data OECD Economic Outlook 103.

Sumber: Pusat Pembangunan OECD, MPF 2018.

Untuk maklumat lanjut, semua wartawan dijemput untuk menghubungi Kensuke Tanaka, Ketua Bahagian Asia, Pusat Pembangunan OECD (Kensuke.Tanaka@oecd.org; Tel: +33 (0) 6 27 19 05 19) dan Bochra Kriout (Bochra.Kriout @ oecd.org; Tel: +33 145 24 82 96) di Pejabat Akhbar.

Untuk maklumat lanjut tentang Kemas Kini dan Tinjauan Ekonomi untuk Asia Tenggara, China dan India 2018, layari: <http://www.oecd.org/dev/asia-pacific/>.

Mengenai laporan ini

Update kepada Tinjauan Ekonomi untuk Asia Tenggara, China dan India 2018 dihasilkan oleh Pusat Pembangunan OECD dengan kerjasama Suruhanjaya Ekonomi dan Sosial PBB untuk Asia dan Pasifik (UNESCAP) dan Institut Penyelidikan Ekonomi untuk ASEAN dan Asia Timur (ERIA).

Update in dilancarkan berikutan laporan utama Tinjauan bagi memastikan data-data, ramalan dan perbincangan tentang dasar adalah yang terkini dan relevan. Laporan Update dan Tinjauan menyumbang kepada Program Serantau Asia Tenggara OECD, yang bertujuan untuk memupuk pembelajaran bersama dan pertukaran amalan baik antara pembuat-pembuat dasar di Asia Tenggara dan negara-negara anggota OECD.